



Ruj. Kami : KPM.100-11/2/2 Jld.4(51)
Tarikh : 2 Januari 2018

Pengarah

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

Pengarah

Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah

Bahagian Sukan

Pengarah

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

Pengarah

Bahagian Pendidikan Khas

Semua Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN DATA MURID DAN PENETAPAN SUBJEK DAN ALIRAN DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM) DAN e-OPERASI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) telah dibuka semula pada 27 Disember 2017 dan pihak sekolah diberikan tempoh bagi mengemaskini semua maklumat murid sehingga 15 Januari 2018. Selain daripada maklumat asas murid, proses pengemaskinian ini juga termasuk penetapan subjek dan aliran bagi murid dan kelas di dalam Sub Modul Penetapan Subjek.

3. Penetapan subjek di dalam APDM ini dilakukan oleh Penolong Kanan 1 dan dibantu oleh Penolong Kanan HEM. Penolong Kanan 1 perlulah memastikan maklumat guru subjek telah dikemaskini di dalam e-OPERASI terlebih dahulu. Guru kelas bertanggungjawab untuk membuat penetapan subjek utama dan pilihan bagi murid dan kelas mereka.

4. Pegawai YBhg. Datuk/Tuan/Puan yang bertanggungjawab menjaga sistem e-OPERASI adalah dimohon untuk memastikan semua subjek yang ditawarkan di Bahagian dikemaskini dan *ditagging* mengikut sekolah yang telah ditetapkan. Proses ini sangat penting bagi memastikan semua subjek dapat *ditagging* oleh pihak sekolah dalam sistem e-OPERASI dan APDM.

5. Sehubungan dengan itu, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah di bawah kawalan YBhg. Datuk/Tuan/Puan supaya membuat penetapan subjek dan aliran bagi kelas dan murid sekaligus mengemaskini maklumat murid di dalam APDM.

6. Segala maklumat lanjut berkaitan perkara ini, YBhg. Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi Cik Siti Rafidah binti Sariman di talian 03-88849415 dan Encik Azlin bin Sanip di talian 03-88849458 atau emel kepada apdm.team@moe.gov.my.

Kerjasama dan sokongan pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



HAJI AMINUDIN BIN ADAM
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia